

CNS6984

R GB 12-08 00163 BA230

aab

Mahathir - Kolonial

PETALING JAYA, 12 Ogos (Bernama) - Negara-negara maju di Eropah dan Amerika kini menggunakan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan untuk kembali menjajah negara membangun, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata kegiatan Kumpulan Hijau yang muncul sejak dekad 80-an menggunakan pelbagai taktik bukan semata-mata untuk menjaga alam sekitar tetapi bertujuan menjajah.

+Mereka cuba sabotaj kestabilan negara-negara membangun yang mencabar ekonomi mereka dengan berbagai-bagai cara, termasuk menghasut dan menganggu undang-undang negara sasaran, + katanya semasa merasmikan Mesyuarat Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia dan melancarkan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri di Institut Tadbiran Awam (TNTAN) Jalan Elmudis ini.

Penubuhan institut itu bertujuan menghasilkan bakal diplomat negara yang dapat bertugas dengan berkesan di luar negeri pada masa akan datang.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pertubuhan-pertubuhan berkenaan juga berjaya memperalatkan kumpulan-kumpulan dalam negeri untuk menyekat pertumbuhan ekonomi negara terutama eksport barang-barang yang boleh bersaing dengan barangan negara mereka. -- Lagi

♥12/08/14-09MST

CNS6987

R GB 12-08 00153 BA231

aab

Mahathir - Kolonial 2 Petaling Jaya

Katanya, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan tersebut sebenarnya memainkan peranan untuk mempertahankan kepentingan ekonomi negara-negara maju.

+Sekatan yang berlandaskan alam sekitar, hak asasi manusia, demokrasi dan perkara-perkara lain yang dahulunya tidak dikaitkan dengan dagangan, sekarang dikaitkan.

+Dampaknya itu, setelah negara Eropah dan Amerika hilang kuasa politik mereka kerana berakhi mya empayar mereka, mereka cuba menggunakan kuasa ekonomi untuk mengembalikan semula penjajahan kolonial, + kata beliau.

Perdana Menteri juga mengarahkan perwakilan Malaysia di luar negeri menumpukan perhatian kepada soal-soal ekonomi, terutama soal dagangan.

Katanya, oleh kerana pasaran dalam negeriterlalu kecil, pertumbuhan ekonomi yang pesat bergantung kepada dagangan luar negeri.

Perwakilan harus mengenal dan mempunyai maklumat mengenai pasaran untuk barang-barang Malaysia di negara di mana mereka ditauliahkan, katanya dan menambah kata mereka hendaklah berusaha meningkatkan nilai eksport Malaysia dan mengenal pasti barangan yang boleh di import. -- lagi

♥12/08/14-11MST

CNS6990

R GB 12-08 00123 BA232

aab

Mahathir - Kolonial 3 Petaling Jaya

Beliau juga menggesa perwakilan Malaysia di seluruh dunia
mempertingkatkan usaha menjelaskan tujuan sebenar penubuhan Kumpulan
Ekonomi Asia Timur (EAEG) agar mendapat sokongan antarabangsa.

Katanya, idea Malaysia itu yang bertujuan baik rupa-rupanya tidak
disukai oleh kuasa-kuasa tertentu kerana kepentingan geo-politik mereka.

Tetapi katanya, Malaysia tidak harus kecewa dengan tentangan yang tidak
berasas itu.

Perdana Menteri berkata sementara organisasi formal seperti Asean tidak
boleh diperluaskan dengan sewenang-wenangnya, konsep berjiran baik secara
tidak formal masih boleh diusahakan.

Sambil menjelaskan bahawa EAEG bertujuan mempertahankan sistem dagangan
bebas antarabangsa, beliau berkata Malaysia mengesyorkan EAEG kerana
percaya ia boleh menolong negara-negara jiran di Asia Timur untuk mencapai
kemajuan.

-- Lagi

♥12/08/14-14MST

CNS6993

R GB 12-08 00144 BA233

aab

Mahathir - Kolonial 4 Petaling Jaya

Beliau berkata Malaysia bersama-sama negara lain perlu menentukan
bahawa dagangan antarabangsa adalah bebas dan adil.

+Tugas menjaga kepentingan ekonomi negara dalam perhubungan
antarabangsa jauh lebih rumit daripada hanya mencari sahabat politik. Dalam
arena dagangan antarabangsa, kawan dan lawan tidak mudah diasingkan.
Kadang-kadang kawan politik boleh menjadi musuh ketat ekonomi, +katanya.

Beliau berkata perwakilan Malaysia mestilah mempunyai pengetahuan yang
mendalam tentang undang-undang dagangan antarabangsa, perjanjian
berbagai-bagai hala, dan dasar-dasar kumpulan negara tertentu.

+Semakin lama semakin kompleks rejim dagangan dunia. Bukan sahaja
amalan negara-negara rakan dagang dan undang-undang mereka perlu di ketahui
oleh perwakilan kita tetapi sikap rasmi dan bukan rasmi mereka juga perlu
di fahami, +katanya.

Beliau berkata perlindungan dagangan melalui sekatan non-tarif harus
diketahui sehingga dapat berhujah tentangnya dalam rundingan dua hala dan
pelbagai hala. -- Lagi

♥12/08/14-16MST

R GB 12-08 00084 BA234

aab

Mahathir - Kolonial 5 Petaling Jaya

Datuk Seri Dr Mahathir berkata diplomasi memainkan peranan penting
dalam bidang pertahanan dan politik.

Katanya, matlamat pertahanan boleh dicapai bukan hanya dengan menjadi
ahli pakatan tentera atau menyertai blok politik yang sesuai tetapi juga
melalui diplomasi yang berkecuali.

Oleh itu, katanya, Malaysia telah menjadi ahli Pergerakan Negara-Negara
Berkecuali atau NAM.

Diplomasi juga memainkan peranan penting untuk mengelakkan peperangan
antara negara dengan jiran-jirannya, tambah beliau. -- Rsrnama

♥12/08/14-17MST